

BAB LIMA

TERUMBANG-AMBING: REFORMASI MENCARI TAPAK LEGITIMASI

5.1. Pendahuluan

Bab ini bertujuan mengkaji idea-idea reformasi Deng selepas menurunkan Hu. Apakah iktibar yang telah diambil oleh Deng dalam peristiwa tersebut supaya kesilapan lampau tidak berulang? Sejauhmanakah langkah-langkah yang diambil berkesan dan apakah batasan-batasan yang tidak dapat dielakkan? Pengupasan bab ini akan memperlihatkan percubaan Deng yang sekali lagi tergopoh-gapah melaksanakan Reformasi Pasaran. Tindakan interaktif daripada pemimpin-pemimpin yang lain dan golongan intelek serta rakyat jelata telah menguji kesabaran dan rasionaliti beliau dalam Peristiwa Medan Tiananmen yang bertujuan untuk mencari alasan meneruskan reformasi. Bagaimanapun, dalam dilema "genggang" (*shou*) dan "lepas" (*sang*) ini, keputusan yang diambil oleh Deng telah membolehkan beliau mencatat namanya dalam sejarah pemodenan China buat selama-lamanya.

5.2. Nada Ultra Kiri Dalam Propaganda Rasmi Diperkuat

Dalam peristiwa Hu Yaobang meletak jawatan Setiausaha Agung Parti, kredibiliti Deng Xiaoping dan PKC dalam usaha menjalankan Reformasi Pasaran telah menjunam ke satu tahap yang cukup rendah. Ini kerana Hu merupakan calon pengganti rasmi yang diumumkan oleh Deng sendiri dan telah banyak kali menyuarakan sokongan terhadap Hu. Akan tetapi kali ini Deng sendiri bukan sahaja menegur Hu tidak bertindak tegas

terhadap gejala Kecenderungan Liberalisme Burjuis di kalangan mahasiswa, malah telah bersepakat dengan pemimpin-pemimpin lain untuk menurunkannya.²⁶⁰

Pemimpin-pemimpin puak konservatiflah yang bersepakat dengan Deng. Seorang sarjana Amerika Syarikat Lowell Dittmer tidak hairan bahawa mereka akan berbuat demikian. Pada pendapat Dittmer, pemimpin konservatif ini sememangnya akan menggunakan kemelesetan ekonomi dan kes-kes demonstrasi mahasiswa sebagai dalih-dalih untuk menurunkan pemimpin reformasi.²⁶¹ Keburukan-keburukan ini merupakan bukti yang baik untuk menunjukkan ketidak sempurnaan Dasar Reformasi Pasaran. Kali ini Hu Yaobang merupakan pemimpin yang melaksanakan dasar di barisan yang terhadapan, maka beliaulah yang akan dikenakan terlebih dahulu.

Selepas Hu Yaobang meletakkan jawatan, pemimpin konservatif seperti Chen Yun dan Li Xiannian yang berada dalam Jawatankuasa Tetap Pusat Parti cuba menyekat perkembangan Kecenderungan Liberalisme Burjuis melalui tiga cara. Iaitu pertama menggubal undang-undang baru untuk memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada pihak penguatkuasa untuk menamatkan demonstrasi golongan mahasiswa dengan lebih cepat. Cara yang kedua ialah menggiatkan propaganda anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis dan cara ketiga ialah menghukum ahli-ahli parti yang menyokong pemikiran Kecenderungan Liberalisme Burjuis.²⁶²

Mereka sememangnya mengambil kesempatan ini kerana Deng jarangnya senada dengan mereka. Deng mempunyai agenda dirinya yang ingin melakukan reformasi di pelbagai bidang terutamanya dalam bidang ekonomi. Dengan melakukan reformasi-

²⁶⁰ Ruan Ming, *Deng Xiaoping: Chronicle of an Empire*, ms. 176.

²⁶¹ Lowell Dittmer, "Patterns of Elite Strife and Succession in Chinese Politics," *The China Quarterly*, no. 123 (September, 1990), ms. 424.

²⁶² Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997 (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997)*, ms. 794-795.

reformasi ini, ciri-ciri sistem ekonomi China semakin kurang unsur terancang tetapi kian tambah unsur pasarannya. Akan tetapi kali ini Deng nampaknya amat tidak senang melihat perkembangan semasa yang di bawah permantauan Hu Yaobang. Oleh itu, Deng bukan sahaja tidak lagi memuji-puji tentang pengutamaan reformasi tetapi sebaliknya sentiasa memberi amaran tentang ancaman Kecenderungan Liberalisme Burjuis yang akan menghancurkan parti dan negara jika pemimpin negara terus bertoleransi dengan gejala tersebut.²⁶³

Antara pemimpin puak konservatif ini, Deng Liqun dan Hu Qiaomu masing-masing bertugas dan berkuasa dalam Kementerian Propaganda Parti dan Akademi Pengajian Sains Sosial China. Dalam spektrum pengelasan pendirian terhadap Dasar Reformasi dan Pembukaan, mereka berdualah yang berada di pihak puak yang paling kiri, iaitu puak pemimpin konservatif yang membantah keras penekanan ekonomi pasaran dalam reformasi dan mencadangkan pelaksanaan perancangan ekonomi oleh kerajaan pusat.²⁶⁴

Hu telah merancangkan dalam jangka masa tiga tahun, satu siri peryiaran seratus buah artikel di suratkhabar-suratkhabar terkemuka di China dilancarkan. Temanya ialah mengkritik terhadap Kecenderungan Liberalisme Burjuis. Deng Liqun pula telah membuat siri ceramah di seluruh negara dengan tajuk mengkaji semula Dasar Reformasi Pasaran yang dilancarkan oleh Deng Xiaoping. Beliau berkata,

Siri kempen anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis ini merupakan satu usaha untuk membetulkan keadaan huru-hara negara buat kali yang kedua setelah Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kesebelas Sesi Ketiga diadakan.²⁶⁵

²⁶³ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 194-214.

²⁶⁴ Su Shaozhi, "A Decade of Crises at the Institute of Marxism-Leninism-Mao Zedong Thought, 1979-1989," *The China Quarterly*, no. 134 (Jun, 1993), ms. 335.

²⁶⁵ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 797.

Maksud tersiratnya ialah menyifatkan dasar reformasi yang dijalankan selama ini juga merupakan satu dasar yang salah seperti Revolusi Kebudayaan dan perlu dibetulkan. Sasarannya terus menuju kepada Deng. Buku yang berjudul “*Mendukung Teguh Empat Prinsip Pengekalan, Anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis*” pernah menyifatkan pandangan mereka ini dari beberapa segi:

- 1.) Kemelesetan ekonomi pada masa itu adalah akibat daripada perjalanan reformasi sistem ekonomi yang radikal.
- 2.) Punca bermulanya Kecenderungan Liberalisme Burjuis adalah di bidang ekonomi.
- 3.) Reformasi sistem pemilikan firma-firma milik negara telah menjadi proses penswastaan yang menggalakkan pemilikan harta persendirian, proses disentralisasi terhadap firma-firma telah menghilangkan penguasaan parti terhadap firma secara langsung, sistem pertanian bertanggungjawab sendiri telah menghapuskan sistem pertanian kolektif dan mengembangkan ekonomi komoditi yang akan menyemarakkan ekonomi Kapitalis, maka terbuktinya punca Kecenderungan Liberalisme Burjuis adalah berasal dari bidang ekonomi.
- 4.) Pelopor reformasi struktur politik ialah satu tindakan yang menidakkan pemerintahan mutlak PKC.
- 5.) Dasar Buka Pintu kepada dunia luar pula disifatkan sebagai tindakan pembelotan kepada orang barat terutamanya negara Kapitalis.²⁶⁶

Kenyataan ini sama dengan dogma pemikiran Mao selepas 1960-an. Ketika itu Mao menggunakan alasan-alasan ini untuk menuduh Deng Xiaoping dan Liu Shaoqi sebagai pengkhianat PKC kerana Deng dan Liu melancarkan dasar-dasar yang seakan Dasar Reformasi Pasaran. Oleh itu, pembidasan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin konservatif ini bukan sahaja menuju kepada Kecenderungan Liberalisme Burjuis dan idea-idea Hu Yaobang, malah idea-idea Reformasi Pasaran yang dilhamkan oleh Deng Xiaoping pun tidak dapat dielakkan.

Deng tidak membalas kritikan mereka secara agresif. David W. Chang berpendapat bahawa, jika terdapat pemimpin-pemimpin yang bertentangan pendapat, Deng tidak sama seperti Mao yang akan cuba mencari peluang untuk mengenakan

²⁶⁶ *Jianchi Sixiang Jiben Yuanze, Fandui Zichan Jieji Ziyouthua* (*Mendukung Teguh Empat Prinsip Pengekalan, Anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis*) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1987), ms. 384.

mereka dengan seburuk-buruknya.²⁶⁷ Oleh itu, Deng tidak mengambil apa-apa tindakan menghukum Deng Liqun dan Hu Qiaomu. Mereka masih dikekalkan jawatan masing-masing. Hanya sehingga 30 April 1987, ketika menyambut lawatan Timbalan Perdana Menteri Sepanyol, Deng telah berkata,

Selama puluhan tahun ini tindakan kerajaan selalu diganggu oleh fikiran ultra kiri yang telah menjadi satu pemikiran kebiasaan. Oleh itu, walaupun pemikiran kanan (pemikiran Liberalisme Burjuis) ada bahayanya, tetapi ancaman yang terbesar masih merupakan pemikiran kiri.²⁶⁸

Kenyataan ini lebih bertujuan untuk melegakan nafas pihak media massa untuk menunjukkan beliau tidak lagi menyokong Deng Liqun dan Hu Qiaomu. Oleh itu, artikel-artikel yang membincangkan Reformasi Pasaran selepas itu kembali kerap dan persepektif yang dibincang juga menunjukkan kepelbagaiannya.

Daripada bahang pemikiran ultra kiri ini, bukan sahaja Deng yang mengkhawatir nasib Dasar Reformasi Pasaran pada masa depan, Zhao Ziyang juga ada kerisauannya sebagai seorang pengganti rasmi Deng yang baru. Berkat daripada khidmat nasihat sekumpulan intelek yang diketuai oleh Su Shaozhi di Institut Pengajian Fahaman Marxis-Leninis, Zhao telah mengemukakan idea “Tahap Awal Masyarakat Sosialis” . Idea ini bertujuan sebagai draf cadangan yang akan dibawa ke Kongres PKC Ketigabelas sebagai cadangan takrifan rasmi kerajaan tentang situasi sebenar yang kini China berada dalam proses pembangunan negara Sosialis.

Menurut Su, idea ini telah dikemukakan oleh beliau sendiri sejak 1979 bersama dengan rakan sejawatnya Feng Lanru.²⁶⁹ Intipati idea ini ialah cuba membuktikan

²⁶⁷ David. W. Chang, *China under Deng Xiaoping: Political and Economic Reform* (London: MacMillan, 1988).

²⁶⁸ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 228.

²⁶⁹ Su Shaozhi, “A Decade of Crises at the Institute of Marxism-Leninism-Mao Zedong Thought, 1979-1989,” *The China Quarterly*, no. 134 (Jun, 1993), ms. 340.

bahawa dalam konsep Masyarakat Sosialis yang disifatkan oleh Karl Marx mempunyai pembahagian tahapnya kepada awal, pertengahan dan sempurna.²⁷⁰ Oleh itu, China yang berada pada 1987 walaupun merupakan sebuah masyarakat Sosialis, tetapi sifatnya masih pada tahap awal sahaja dan belum mencapai tahap kesempurnaan. Dasar-dasar seperti Komun Rakyat, sistem ekonomi terancang, Pertanian Kolektif dan sebagainya masih belum sampai masanya untuk dilaksanakan. Sebaliknya pada tahap awal masyarakat Sosialis ini masih perlu mengamalkan sesetengah sistem yang terdapat dalam masyarakat Kapitalis terutamanya di dalam bidang ekonomi.

Idea ini kononnya mendapat ilham daripada ajaran Marx dan Lenin. Ini kerana dalam artikel-artikel yang ditulis oleh kedua-dua orang peneraju ideologi Komunis ini pernah menyebut sedikit sebanyak tentang isu tersebut. Marx dalam artikelnya yang bertajuk *"Critique of the Gotha Programme"* pernah menamakan masyarakat yang baru sahaja menghapuskan sistem pemilikan harta-benda persendirian tetapi masih belum terlepas daripada pengaruhnya sebagai "Masyarakat Baru Tahap Awal".²⁷¹ Bagaimanapun Marx tidak membuat pejelasan yang lebih terperinci tentang tahap masyarakat ini. Oleh itu, pada masa yang kemudiannya, iaitu setelah Lenin berjaya melakukan Revolusi Oktober Rusia pada 1917, Lenin telah meneruskan perbincangan yang lebih teliti tentang hal ini. Lenin dalam bukunya yang bertajuk *"The State and Revolution"* telah menyatakan bahawa dalam perkembangan sejarah tentunya ada satu period perantaraan, iaitu masyarakat Kapitalis berubah menjadi masyarakat Komunis.

²⁷⁰ Ibid.

²⁷¹ Karl Marx dan Frederick Engels, *Karl Marx and Frederick Engels Selected Works*, jilid ketiga, ms. 26.

Lenin telah menyifatkan masyarakat baru yang disifatkan oleh Marx itu ialah “Bentuk Asas Masyarakat Sosialis” .²⁷²

Dalam huraian dan ramalan kedua-dua orang tokoh perintis fahaman Komunis ini, mereka tidak menafikan bahawa memang wujudnya satu period bagi masyarakat Sosialis mengamalkan sesetengah dasar yang berciri sistem Kapitalisme. Melalui penghuraian ini, dasar-dasar kerajaan yang berunsur sistem Kapitalis dapat dihalalkan. Pihak kerajaan tidak dapat lagi dituduh bahawa dasar-dasar tersebut berunsur fahaman kanan dan berniat menghidupkan semula masyarakat Kapitalisme kerana dasar-dasar tersebut memang mendapat ilham daripada Marx dan Lenin.

Idea ini bertujuan memberi sokongan secara legitimasi kepada kedudukan Dasar Reformasi Pasaran yang sah. Kongres parti merupakan pentas yang paling sesuai untuk mengotakan idea tersebut. Oleh itu Deng amat bersetuju dan memujinya sebagai “sempurna” .²⁷³ Mulai Julai 1987, Deng mula memberitahu sedikit sebanyak tentang isi kandungan idea tersebut dan menyatakan idea ini akan terkandung dalam laporan cadangan resolusi yang dibentangkan oleh Zhao dalam Kongres PKC Ketigabelas tersebut. Beliau berpendapat,

Pengenalan terhadap situasi di negara China mestilah dikenali sebagai satu masyarakat yang berada pada tahap awal masyarakat Sosialis, iaitu satu masyarakat Sosialis yang belum mencapai kesempurnaan untuk melaksanakan semua dasar Komunis dengan sepenuhnya.²⁷⁴

Kemudian beliau sendiri telah membuat perbincangan idea ini dengan lebih lanjut lagi. Contohnya pada 4 Julai, beliau telah berkata,

²⁷² V. I. Lenin, *The State and Revolution* (New York: IP, 1943), ms. 75.

²⁷³ Ruan Ming, *Deng Xiaoping: Chronicle of an Empire*, ms. 184.

²⁷⁴ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 251.

Mengadakan pembangunan modenisasi ala Sosialis ialah asas perjalanan. (Kita) perlu mengadakan pembangunan modenisasi ala Sosialis untuk menjadikan China maju dan makmur. Perkara yang pertama sekali (kita) mesti menjalankan Dasar Reformasi dan Pembukaan; perkara yang kedua ialah (kita) perlu mendukung Empat Prinsip Pengekalan, terutamanya mengekalkan pemerintahan mutlak parti (PKC), mengekalkan perjalanan Sosialisme, anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis dan anti perjalanan Kapitalisme. Inilah dua perkara asas yang perlu wujud bersama-sama.²⁷⁵

Inilah idea Reformasi Pasaran Deng yang paling makro. Dengan berasaskan tahap awal masyarakat Sosialis, perjuangan modenisasi ala Sosialis barulah merupakan satu matlamat yang berwawasan. Dalam situasi tahap awal ini, Reformasi Pasaran yang dimaksudkan perlu mengadaptasikan sesetengah ciri-ciri sistem ekonomi Kapitalis menjadi satu pendekatan yang tidak dapat dielakkan. Pada masa yang sama, masyarakat yang berjiwa Sosialis memerlukan syarat-syarat yang disenaraikan dalam Empat Prinsip Pengekalan supaya tidak akan berlaku kepincangan pembangunan ke arah masyarakat Kapitalis.

Penetapan "Dua Perkara Asas" ini hanya mengulangi penegasan idea modenisasi Deng sekali lagi dan tidak membawa apa-apa isi yang baru. Beliau berbuat demikian supaya mana-mana pihak terutamanya puak pemimpin konsevertif tidak menyalahafsir mesej beliau. Sememangnya Deng tidak dapat menerima idea Liberalisme Burjuis. Beliau juga faham pelaksanaan Dasar Reformasi Pasaran secara tidak langsungnya akan menggalakkan idea Liberalisme Burjuis berleluasa. Akan tetapi sikap beliau ini masih tidak sehingga ingin menghentikan pelaksanaan dasar tersebut. Dalam andaian Deng, selepas Dasar Reformasi Pasaran dilaksanakan, semua rakyat China akan hidup dalam satu alam yang lebih bebas, maka mereka akan lebih berinisiatif untuk membangunkan negaranya, tetapi pada masa yang sama mereka masih patuh kepada pemerintahan kerajaan PKC. Kepatuhan mereka ini merupakan tanda berterima

²⁷⁵ Ibid, ms. 248.

kasih kepada jasa PKC yang membawa kemajuan kepada mereka. Oleh itu, dalam andaian Deng ini, Dasar Reformasi Pasaran harus diteruskan perlancarannya demi meraih sokongan rakyat jelata.

5.3. Teori Tahap Awal Masyarakat Sosialis Dan Penerusan Reformasi

Dari 25 Oktober hingga 1 November 1987, Kongres PKC Ketigabelas telah diadakan. Kongres PKC merupakan persidangan parti yang paling tinggi diadakan untuk menetapkan haluan ideologi parti dan negara. Agenda yang paling diberi tumpuan tentulah laporan kerja yang dibuat oleh Setiausaha Agung Parti Zhao Ziyang yang bertajuk "Bermaju ke Depan dengan Mengikuti Perjalanan Sosialisme yang Berkarakter China". Laporan ini dibahagikan kepada tujuh bahagian yang masing-masing melibatkan perhuraian terhadap kejayaan-kejayaan bersejarah yang dicapai, penetapan China berada di tahap awal masyarakat Sosialis, strategi pembangunan ekonomi, reformasi sistem ekonomi, reformasi sistem politik, pengukuhan kedudukan parti dalam Dasar Reformasi dan Pembukaan dan mencari kemenangan baru fahaman Marxis di China.²⁷⁶

Antaranya idea "Tahap Awal Masyarakat Sosialis" merupakan isi yang paling utama dalam laporan tersebut. Ini merupakan kali pertama idea ini dikemukakan oleh kerajaan PKC secara rasmi. Menurut Zhao, dua mesej penting yang tersirat dalam idea ini ialah,

Pertama negara Republik Rakyat China sekarang telah berada dalam peringkat negara Sosialis, oleh itu China tidak boleh lagi dipisahkan dengan ajaran Sosialisme lagi. Kedua

²⁷⁶ Zhao Ziyang, "Yanzhe you Zhongguo Teshe de Shehui Zhuyi Daolu Qianjin" (Bermaju ke Depan dengan Mengikuti Perjalanan Sosialisme yang Berkarakter China) *Zhongguo Gongchandang Dishianni Quanguo Daibiao Dahul Wenjian Hulbian* (Terbitan Dokumen-dokumen Kongres PKC Ketigabelas) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1987).

pula ialah masyarakat Sosialis ini masih berada dalam tahap awal. Oleh itu, jika China ingin mencapai tahap masyarakat Sosialis moden, ia sekurang-kurangnya memerlukan masa seratus tahun.²⁷⁷

Bagaimanapun sebahagian idea ini sebelumnya telah dikemukakan pada 1981. Dalam "Resolusi Mengenai Beberapa Persoalan Sejarah Parti Sejak Pembinaan Negara" yang diumumkan selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti Kali Kesebelas Sesi Keenam, idea ini pernah disebut dengan menyifatkan keadaan produktiviti negara pada masa itu masih berada pada tahap awal. Kemudian pada Kongres Parti Keduabelas, laporan Setiausaha Agung yang disampaikan oleh Hu Yaobang pun menyebutkan frasa "tahap awal" sekali lagi. Ini merupakan satu tindakan politik untuk memberi takrifan yang positif Dasar Reformasi Pasaran dalam ungkapan-ungkapan Komunis.

Bagaimanapun jika dilihat dari sudut fahaman Komunis yang lebih kiri, idea ini masih lemah untuk menghalalkan tindakan kerajaan PKC melaksanakan dasar-dasar yang berunsur Kapitalisme itu. Idea tahap awal masyarakat Sosialis masih belum mampu menggariskan dengan jelasnya sejauhmana dasar-dasar Kapitalisme boleh diserap oleh sesebuah kerajaan Komunis tetapi tidak akan membawa negaranya ke arah masyarakat Kapitalis. Yang paling jelas ialah dalam tahap ini kerajaan berhasrat untuk mempertahankan Empat Prinsip Pengekalan yang sangat menekankan pemerintahan mutlak PKC terhadap China. Selain daripada itu, nampaknya apa-apa dasar yang berunsur Kapitalisme pun masih boleh dilancarkan demi "membebaskan produktiviti negara". Oleh itu rasa ragu-ragu terhadap kerajaan PKC masih tidak dapat diredukan oleh setengah-setengah ahli PKC veteran. Hanya pada masa itu publisiti yang meluas terhadap idea ini telah mendapat perhatian seluruh negara, demi mengekalkan imej

²⁷⁷ Ibid.

sebulat suara antara pemimpin pusat kerajaan, maka suara bantah dan ragu-ragu telah disepikan.

Bagi pihak yang digariskan sebagai “berkecenderungan Liberalisme Burjuis” pula, rasa aneh tentu akan timbul apabila idea ini diumumkan secara rasmi. Pada 1983 sebelum Kempen Pembasmian Pencemaran Pemikiran dilancarkan, pemimpin PKC Zhou Yang yang berjawatan sebagai Pengurus Gabungan Persatuan-persatuan Penulis China dan rakan-rakannya pernah mengemukakan idea “Alienisasi Ajaran Marxis” yang seakan-akan sama dengan idea tahap awal masyarakat Sosialis. Idea “Alienisasi” ini menegaskan bahawa setelah pengikut-pengikut ajaran Marxis berkuasa di sebuah negara, walaupun mereka masih melaksanakan dasar-dasar yang berunsur Komunis, tetapi satu proses alienisasi akan berlaku. Contohnya seperti penyalahgunaan kuasa untuk menindas rakyat jelata yang pada dulunya mereka ingin melindung. Beliau berpendapat bahawa PKC patut mengaku bahawa ajaran Marxis merupakan satu ajaran yang masih dalam proses perkembangan. Ajaran Marxis akan berubah berdasarkan perkembangan situasi objektif dari semasa ke semasa. Oleh itu, ajaran ini masih perlu diperbaiki dan ditokok-tambah mengikut peredaran masa.²⁷⁸ Akan tetapi pada masa itu idea sebegini telah dianggap oleh para pemimpin konservatif dan Deng sebagai satu pencemaran terhadap pemikiran rakyat China. Akibatknya tokoh-tokoh yang terlibat dalam peloporan idea ini telah dipecat jawatan masing-masing dan Kempen Pembasmian Pencemaran Pemikiran yang seakan-akan Revolusi Kebudayaan dilancarkan selama lapan puluh hari untuk membanteras pengaruh-pengaruh yang dibawa oleh idea “Alienisasi” ini.

²⁷⁸ Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 109.

5.4. Zhao Ziyang Meneruskan Cabaran Hu Yaobang

Daripada perkembangan yang berlaku dalam Kongres PKC Ketigabelas, jelas kelihatan percaturan Deng sekali lagi menghala ke arah perluasan reformasi. Haluan Reformasi Pasaran tetap tertumpu dalam bidang ekonomi. Beliau tetap perlu bergantung kepada para pemimpin puak reformasi, tetapi kali ini peneraju pelaksanaan dasar ini telah bertukar kepada Zhao Ziyang.

Deng menghadapi beberapa cabaran baru untuk menegakkan Zhao sebagai pengganti rasminya. Pertama sekali ialah meyakinkan pelbagai pihak yang mengalukan Reformasi Pasaran ini agar menerima Zhao sebagai penggantinya. Sejak zaman Mao Zedong lagi, sistem pemilihan pemimpin tertinggi negara adalah secara penamaan oleh pemimpin tertinggi negara yang sedia ada. Mao pernah menamakan beberapa pewaris dan akhirnya semua gagal mengganti. Kebanyakan daripada mereka diturunkan oleh Mao sendiri kecuali Hua Guofeng.²⁷⁹

Apabila Deng berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai pemimpin tertinggi negara, beliau juga menamakan Hu Yaobang sebagai pengganti rasminya. Tetapi nasib Hu masih sama dengan contoh-contoh yang disebut di atas. Apabila tindakan dan kenyataan Hu tidak lagi disenangi oleh Deng, maka beliau telah menurunkan Hu dengan senang sekali. Inilah seperti apa yang disifatkan oleh Lowell Dittmer sebagai “*pre-mortem succession crises*” iaitu seorang pengganti pemimpin yang dinamakan oleh penjawat kini akan diberi peluang menguruskan sesetengah hal-ehwal pentadbiran. Tujuannya ialah untuk membolehkan pemimpin pengganti tersebut dapat dilatih dan

²⁷⁹ Lowell Dittmer, “Patterns of Elite Strife and Succession in Chinese Politics,” *The China Quarterly*, no. 123 (September, 1990), ms. 427.

membiasakan diri dalam tugas memimpin negara. Akan tetapi jika penjawat kini tersebut mendapati si pengganti tersebut mempunyai perbezaan pendapat yang amat menghampakannya, maka selepas berlaku satu peristiwa kegagalan melaksanakan tugas, si pengganti tersebut akan diturunkan.²⁸⁰ Sekarang Zhao juga dinamakan sebagai pengganti Deng melalui cara ini, maka keraguan tentang nasib Zhao pada masa akan datang juga akan timbul. Akan tetapi Deng tidak menggunakan peluang ini untuk menimbang semula cara pemilihan pemimpin pengganti.

Penamaan Zhao juga bermakna usaha Deng untuk mengukuhkan kedudukan Hu Yaobang telah menjadi sia-sia. Beliau terpaksa selalu mengemukakan kenyataan yang menyokong Zhao. Akan tetapi usaha ini nampaknya tidak mendatangkan kesan kepada Angkatan Tentera Pembebasan. Deng telah menlantik Zhao sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Ketenteraan Pusat Parti. Beliau juga memberi peluang kepada Zhao untuk mengemukakan perintah kenaikan pangkat sebilangan panglima perang. Bagaimanapun, Angkatan Tentera Pembebasan yang dianggap sebagai satu lagi markas yang meragui pelaksanaan Dasar Reformasi Pasaran tidak begitu senang ditundukkan di bawah pimpinan Zhao.²⁸¹

Angkatan Tentera Pembebasan dapat memainkan peranan yang penting dalam percaturan politik sebagai satu kuasa penentu jika menyokong sesuatu pihak. Selepas Dasar Reformasi Pasaran dijalankan, Angkatan Tentera Pembebasan turut mendapat faedahnya. Mereka menggunakan hasil kajian pembuatan senjata api dan kelengkapan berperang yang sedia ada untuk melibatkan diri dalam industri berat dan elektronik. Akan tetapi pada masa yang sama mereka menghadapi situasi di mana perjalanan

²⁸⁰ Ibid, ms. 429.

²⁸¹ Luo Bing, "Deng Ming Jiangling Fucong Zhao Ziyang" (Deng Mengarahkan Para Panglima Menurut Perintah Zhao Ziyang), *Zhengming Yuekan* (Bulanan Zhengming), 126, ms. 13.

modenisasi bidang ketenteraan dan arahan penyusutan saiz pasukan tentera semakin mengurangkan penguasaan para panglima perang terhadap Angkatan Tentera Pembebasan. Pada awal 1980-an, proses ini telah membolehkan Deng mengambil kesempatannya untuk mengurangkan sesetengah bidang kuasa panglima besar untuk memudahkan penguasaannya.²⁸² Oleh itu, Deng perlu menggunakan kebijaksanaannya demi mendapatkan sokongan mereka.

Cabaran yang ketiga ialah peranan baru Zhao. Sebelum itu Zhao memegang jawatan Perdana Menteri ditugaskan untuk merancang dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan ekonomi negara. Beliau merupakan orang yang mempunyai kuasa penentu yang tertinggi tentang penetapan haluan pembangunan ekonomi jika Deng tidak memantau. Kini beliau menduduki jawatan sebagai Setiausaha Agung Pusat Parti, peranan yang dimainkan melalui jawatan ini tentulah berlainan dengan Perdana Menteri. Jawatan ini bertugas untuk menetapkan prinsip pembangunan negara dan memastikan pembangunan negara dilaksanakan oleh eksekutif kerajaan di bawah kawalan PKC. Setiausaha Agung Parti lebih menumpukan perhatian terhadap pemegangan ideologi negara.

Zhao tentu faham akan perubahan bidang kuasanya dalam perubahan jawatan ini. Nampaknya beliau lebih suka memegang jawatan Perdana Menteri kerana jawatan tersebut mempunyai kuasa eksekutif yang tertinggi dan secara langsung. Lagipun pengaruh beliau yang dibina dalam sistem birokrasi eksekutif akan merosot setelah beliau melepaskan jawatan tersebut. Oleh itu, pernah dilaporkan Zhao tiga kali memohon

²⁸² Guo Anmin, *Bashi Niandai Zhonggong Gaigepai zhi Xingqi yu Bianqian* (Kebangkitan dan Perubahan Puak Reformasi PKC pada Tahun 1980-an), ms. 155.

perletakan jawatan tersebut.²⁸³ Beliau tidak begitu rela menyerahkan kuasanya yang dibina selama beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Lagipun dalam laporan kerja yang dibuat dan diluluskan pada Kongres PKC Ketigabelas, Zhao telah menyenaraikan isu membebaskan campur tangan pihak parti daripada urusan pentadbiran kerajaan. Zhao tentunya tidak boleh mengabaikan hasrat tersebut.

Masalah yang lebih merunsingkan ialah Perdana Menteri yang baru iaitu Li Peng tidak begitu serasi pendapat dengan para pemimpin puak reformasi. Daripada kajian terhadap latarbelakang dan kenyataan-kenyataan yang dikemukakannya, Li lebih sehaluan dengan pandangan Chen Yun. Beliau telah banyak kali menegaskan perlunya menjalankan reformasi yang tidak mengancam ketenteraman masyarakat. Misalnya pada 30 Disember 1987, semasa Mesyuarat Pejabat Perdana Menteri diadakan, beliau telah mengemukakan "Lima Mesti" ,

Mesti ambil berat dan mempertingkatkan pembangunan sektor pertanian; mesti mengawal bilangan projek pembinaan infrastruktur; mesti mendapat keseimbangan dalam belanjawan dan pinjaman negara; mesti terus menyekat kecenderungan untuk mengejar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.²⁸⁴

Satu lagi contoh ialah pada 23 Januari 1988 dalam buku cadangan Zhao yang bertajuk "Strategi Pembangunan Perindustrian Kawasan Pinggiran Pantai" telah direstui oleh Deng dengan mengarahkan supaya cadangan itu segera dijalankan. Kemudian Biro Politik Pusat Parti pun meluluskan laporan yang akan membangunkan kawasan seluas 320, 000 km persegi yang melibatkan 284 buah daerah pinggiran laut dan seramai 160, 000, 000 orang penduduk.²⁸⁵ Namun Li Peng dalam Mesyuarat Perhimpunan Agung Rakyat Kali Ketujuh Sesi Pertama membuat satu laporan kerja menyatakan bahawa tugas

²⁸³ Chen Yizhi, *Shinian Gaige yu Bajiu Minyun* (Sepuluh Tahun Bereformasi dan Kempen Rakyat 1989), ms. 124.

²⁸⁴ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 817.

²⁸⁵ Guo Anmin, *Bashi Niandai Zhonggong Gaigepai zhi Xingqi yu Bianqian* (Kebangkitan dan Perubahan Puak Reformasi PKC Pada Tahun 1980-an), ms. 229.

utama kerajaan PKC ialah “mempertingkatkan pengeluaran pertanian”.²⁸⁶ Strategi pembangunan ekonomi di kawasan pinggiran laut hanya diletakkan dalam kedudukan yang keempat penting sahaja. Li berkecenderungan untuk melaksanakan reformasi sedikit demi sedikit untuk memastikan kamantapan negara tidak tergugat. Maka hasrat Zhao tidak dapat disempurnakan oleh Li.

Dari segi haluan reformasi pula, perbezaan pendapat antara pemimpin tertinggi parti dengan pemimpin tertinggi eksekutif sekali lagi ternampak walaupun masing-masing menegaskan reformasi perlu diteruskan. Resolusi Kongres PKC Ketigabelas telah mengumumkan bahawa tumpuan reformasi sistem ekonomi pada tahun itu adalah melanjutkan pengubahsuaian struktur pengurusan dan pemilikan firma-firma negara. Tumpuan reformasi dalam aspek ini telah bermula pada akhir 1984. Tetapi pemimpin puak konservatif berpendapat bahawa ekonomi negara China kini berada dalam situasi uzur. Naib Perdana Menteri Yao Yilin telah menyifatkan situasi ekonomi negara pada 1987 sebagai situasi yang tidak mantap kerana faktor-faktor yang tidak menentu kian bertambah. Oleh itu, mesyuarat kerja untuk reformasi sistem ekonomi telah memutuskan tugas utama kerajaan China pada 1988 ialah,

Menyusut jumlah perbelanjaan kerajaan dan jumlah pinjaman, mengawal jumlah permintaan, memantapkan harga barang, pertumbuhan ekonomi dalam setiap sektor perlu seimbang dan mencari pembangunan yang mantap.²⁸⁷

Pada 30 Disember dalam tahun yang sama, semasa berucap pada mesyuarat semua anggota Jabatan Perdana Menteri, Li Peng pun senada dengan Yao dengan menyatakan bahawa China pada masa itu tidak mampu untuk menghadapi apa-apa perubahan yang mendadak lagi.

²⁸⁶ Ibid, ms. 230.

²⁸⁷ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997 (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997)*, ms. 817.

Hanya reformasi sistem pemilikan firma-firma tidak ditolak oleh pemimpin puak konservatif. Reformasi sistem pemilikan firma-firma diungkitkan semula kerana idea tersebut dikemukakan oleh Deng dan bukannya bermotif menggalakkan penswastaan. Oleh itu, dalam laporan kerja kerajaan yang dibentangkan dalam Perhimpunan Agung Rakyat Ketujuh pada Mac 1988, Li sekali lagi menegaskan bahawa perlanjutan reformasi struktur sistem firma-firma milik negara merupakan tumpuan tugas kerajaan PKC pada tahun tersebut.²⁸⁸

Bagaimanapun, Zhao tetap ingin meneruskan perluasan reformasi. Tindakan Zhao ini telah mendapat sokongan yang kuat dan tegas daripada Deng. Pada 18 Mei, Deng telah memberitahu tetamu kehormat negara yang datang melawat,

Kami perlu melanjutkan reformasi, melanjutkan pembukaan. Kami percaya jika meneruskan dasar haluan ini, kami akan mencapai kejayaan. Dari satu segi , risikonya ada, reformasi tidak akan dicapai dengan mudah dan lancar, tetapi kami perlu berjalan di atas perjalanan reformasi, kalau timbul masalah kami serta-merta menyelesaikannya, tidak boleh berhenti, berhenti bermakna tiada jalan keluar.²⁸⁹

Maka dalam masa antara April dan Mei, pucuk pimpinan pusat PKC yang diketuai oleh Zhao telah mengarahkan kerajaan eksekutif menaikkan harga beberapa jenis makanan ruji bukan utama, kemudian mengumumkan Dasar Reformasi Harga Barang dan Dasar Reformasi Sistem Gaji Pekerja dengan tujuan reformasi dijalankan dengan lebih radikal atau agresif.

5.5. Kerancakan Reformasi Harga Barang

Dasar Reformasi Harga Barang yang dilancarkan kali ini secara kasarnya boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Yang mula sekali ialah pada tempoh dari Mei

²⁸⁸ Ibid, ms. 817.

²⁸⁹ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 260.

hingga Julai, harga runcit gula, telur, sayur dan daging khinzir iaitu makanan bukan ruji utama telah dibebaskan daripada kawalan kerajaan. Barang ini merupakan barang keperluan harian yang harga permintaannya tidak anjal iaitu tidak sensitif dengan perubahan harga. Kemudian ialah harga televisyen berwarna, seterusnya harga kain kapas, arak dan rokok mewah, arak dan rokok harga kelas pertengahan dan lain-lain lagi.²⁹⁰ Dari pada item-item yang dipilih seperti di atas, jelas kelihatan kerajaan PKC amat berhati-hati terhadap tindakan pembebasan kawalan harga barang. Zhao dan Deng memang tidak mahu peristiwa rebut beli dan krisis keyakinan terhadap kerajaan dalam menangani masalah ekonomi pada 1985 berulang lagi.

Sebelum itu, Zhao juga mengarahkan perlonggaran terhadap pemberian pinjaman dan perbelanjaan kerajaan pada awal 1988.²⁹¹ Tujuan penambahan aliran wang di pasaran membolehkan setiap isi rumah mendapat pendapatan yang berlebihan dan seterusnya mampu membeli barang yang telah dibebaskan kawalan harga. Ini dilihat sebagai satu langkah sampingan untuk membantu kelincinan Dasar Reformasi Harga Barang. Selepas itu, Zhao merancangkan satu draf dasar yang ingin melakukan reformasi terhadap harga semua barang dan diikuti oleh Dasar Reformasi Sistem Gaji Pekerja. Draf tersebut telah dibentangkan pada bulan Ogos 1988 dalam Mesyuarat Biro Politik Pusat Parti. Pada masa itu, kesan daripada pelaksanaan Dasar Reformasi Harga Barang telah muncul iaitu peristiwa-peristiwa rebut beli telah berlaku lagi seperti

²⁹⁰ Xu Dihua dan Wang Yaping (ed), *Zhongguo Shehui Zhuyi Jianshe Xinshiqi Jingji Jianshi* (Sejarah Ringkas Period Baru Pembinaan Sosialisme China) (Beijing: Penerbitan Wuzhi, 1993), ms. 234.

²⁹¹ Zhang Jiamin, *Jianguo rilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 823.

1985.²⁹² Kelonggaran pemberian pinjaman dan perbelanjaan kerajaan juga mendatangkan akibat inflasi melambung tinggi.²⁹³

Sokongan Deng kepada Zhao dalam tempoh ini adalah kuat. Sejak Mei 1988 lagi, beliau telah banyak kali mengemukakan kenyataan rasmi yang menyokong kuat tentang Dasar Reformasi Harga Barang.²⁹⁴ Kenyataan-kenyataan itu biasanya dibuat semasa beliau bertemu dengan tetamu kehormat asing. Oleh itu, kenyataan-kenyataan tersebut tentu akan disiarkan ke luar negeri. Berbanding dengan Dasar Reformasi Firma-firma Milik Negara yang beliau jarang mengemukakan kenyataan sokongan, boleh dipercayai bahawa beliau juga amat menyetujui cadangan reformasi harga kerana Deng yakin cadangan ini akan mempercepatkan modenisasi negara jika berjaya dilaksanakan. Ada pula terdapat maklumat yang menyatakan idea mengadakan Dasar Reformasi Harga Barang ialah cadangan Deng sendiri, Zhao hanya melaksanakan ideanya sahaja. Selepas kesan negatif muncul, Zhao telah berbincang dengan Li Peng dan Yao Yilin untuk memperlahan reformasi tersebut dan meminta Bo Yibo mendapatkan kerestuan daripada Deng.²⁹⁵

Pada Ogos 1988, selepas Zhao mengemukakan draf Dasar Reformasi Harga Semua Barang yang disertai dengan Dasar Reformasi Sistem Gaji Pekerja, Deng sekali lagi memberi kenyataan rasmi untuk menyetujui idea tersebut,

Karl Marx pernah menyatakan bahawa pengetahuan sains dan teknologi juga merupakan salah satu jenis produktiviti, ini merupakan pandangan yang tepat sekali, namun kini

²⁹² Ma Jian dan Song Jian, *Zouchu Migong* (Keluár dari Keseliratan) (Beijing: Penerbitan Xueyuan, 1989), ms. 55. Li Ming (ed), *Gongheguo Licheng Daxiezheng* (Gambaran Dekat Perjalanan Republik) (Beijing: Penerbitan Dangan), ms. 1189.

²⁹³ Xu Dihua dan Wang Yaping (ed), *Zhongguo Shehui Zhuyi Jianshe Xinshiqi Jingji Jianshi* (Sejarah Ringkas Period Baru Pembinaan Sosialisme China), ms. 238.

²⁹⁴ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 262-278.

²⁹⁵ Qi Xin, "Jiage Gaige Shache Muhou" (Di Sebalik Tabir Reformasi Harga Ditarik Balik), *Jiushi Niandai*, November, 1988, ms. 21-22.

mungkin tidak cukup daripada itu, (pada pendapat saya) pengetahuan sains dan teknologi mungkin merupakan produktiviti prima juga. (Kita) perlu tumpukan perhatian untuk membaiki masalah pendapatan golongan pekerja intelek. Ini akan menaikkan semangat inisiatif mereka, maka lebih banyak daripada mereka akan tampil membawa sumbangan (terhadap negara).²⁹⁶

Bagaimanapun seorang pengkaji ekonomi China Liu Guoguang menyifatkan reformasi harga kali ini merupakan satu polisi yang “hanya mementingkan kesan jangka pendek, tetapi mengakibatkan kerosakan kepentingan ekonomi negara kita (China) pada masa yang akan datang.”²⁹⁷ Liu berpendapat bahawa dasar ini sekali lagi mengharapkan kejayaan pembangunan ekonomi dalam masa singkat tanpa mengira kemampuan situasi sebenar negara.

Bagaimanapun, sokongan Deng juga ada penghujungnya. Pada akhir September, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Ketigabelas Sesi Ketiga telah diadakan. Dalam laporan kepada mesyuarat tersebut, Zhao menyatakan inflasi telah muncul dalam perkembangan ekonomi semasa dan kadar kenaikan harga barang telah meningkat dengan tinggi sekali selepas tidak dikawal oleh kerajaan. Beliau juga melaporkan bahawa sistem harga barang dua trek dalam jangka masa pendek itu tidak mampu dihapuskan.²⁹⁸ Ini bermaksud secara tidak langsung beliau telah mengaku bahawa Dasar Reformasi Harga Barangannya telah gagal. Dalam mesyuarat itu Zhao telah dibidas dan terpaksa membuat laporan penyemakan kesilapan diri. Akhirnya mesyuarat tersebut juga meluluskan resolusi yang mengarahkan pengamalan dasar penyelarasan semula susunan ekonomi. Maksudnya semua dasar reformasi yang radikal yang diamalkan pada sebelum itu telah digantung. Daripada keputusan mesyuarat ini, jelas kelihatan sokongan Deng terhadap

²⁹⁶ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 275.

²⁹⁷ Liu Guoguang, *Gaige, Wending, Fazhan: Wenzhong Qiujin de Gaige yu Fazhan Zhanlue* (Reformasi, Kemantapan, Pembangunan: Strategi Reformasi dan Pembangunan yang Mencari Kemajuan dalam Kemantapan) (Beijing: Penerbitan Jingji Guanli, 1991), ms. 139-140.

²⁹⁸ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 827.

Zhao telah berhenti. Pemimpin puak konservatif yang menguasai kuasa pemutusan pembangunan ekonomi negara dalam mesyuarat tersebut. Deng hanya membiarkan Zhao menghadapi situasi sukar itu tanpa menghulurkan tangan bantuan.

Pejabat Perdana Menteri kemudiannya telah memulihkan semula beberapa polisi yang bersifatkan sistem ekonomi terancang. Akan tetapi seperti apa yang diperibahaskan terhadap cara pemerintahan PKC: “Apabila dilepaskan, ia berhuru-hara; apabila huru-hara, ia terus dikawal; apabila dikawal, ia terus mati.” (*Yifang jiu luan; yiluan jiu zhuo; yizhuo jiu si*). Kitaran situasi ekonomi negara ini memaksa pihak kerajaan sentiasa membuat pengubahsuaian polisinya untuk menghadapi situasi buntu yang dihadapinya pada setiap penukaran dasar. Contohnya pada mulanya kerajaan pusat menyatakan hasratnya untuk mengawal ketat pemberian pinjaman oleh bank-bank. Akan tetapi pada Disember 1988 ia terpaksa membenarkan pinjaman yang sejumlah belasan bilion yang merupakan lebih kurang satu pertujuh daripada jumlah pinjaman tahunan dikeluarkan.²⁹⁹ Ini adalah bertujuan mengelakkan sesetengah industri-industri mengalami nasib kerugian atau bankrap kerana kekurangan modal. Maka seterusnya wang yang disalurkan ke pasaran itu sekali lagi meyebabkan inflasi melambung.

Pada awal 1989, jumlah pinjaman dan jumlah simpanan telah dikawal. Jumlah pelaburan kerajaan pula disusutkan sebanyak 21% dan kadar kenaikan harga pun mula menurun.³⁰⁰ Langkah kawalan kerajaan ini segera menimbulkan kesan yang negatif iaitu jumlah pengeluaran industri merosot dengan mendadak dan pasaran penjualan menjadi lemah. Daripada turun-naik perkembangan ekonomi negara ini, jelas bahawa pihak

²⁹⁹ Xu Dihua dan Wang Yaping (ed), *Zhongguo Shehui Zhuyi Jianshe Xinshiqi Jingji Jianshi* (Sejarah Ringkas Period Baru Pembinaan Sosialisme China), ms. 248.

³⁰⁰ Jabatan Statistik NegaraChina (ed), *Bashi Niandal de Zhongguo Jingji: Laizi Guojia Tongjiju de Baogao* (Ekonomi China pada Tahun 1980-an: Laporan dari Jabatan Statistik Negara China) (Beijing: Penerbitan Jabatan Statistik Negara China, 1992), ms. 112.

kerajaan belum lagi menghapuskan masalah ekonomi yang sebenar atau “fundamental” yang disifatkan oleh Yeh K. C. dalam artikel beliau yang disiarkan di journal *The China Quarterly* pada 1992.³⁰¹ Yeh telah menamakan tiga masalah ekonomi China yang sebenarnya, pertama ialah kadar pertambahan penduduk yang masih meningkat, masalah yang kedua ialah pertumbuhan ekonomi hanyalah kerana peningkatan penggunaan bahan mentah dan masalah ketiga ialah inflasi yang tidak menurun. Lebih-lebih lagi sistem politik dan kebudayaan tradisional yang membenarkan banyak peluang penyelewengan dan rasuah berlaku selepas Dasar Reformasi Pasaran dijalankan.³⁰²

Rakyat berasa tidak puas hati terhadap kejatuhan taraf hidup dan gejala-gejala buruk kerajaan, masyarakat China pada masa itu sedang bersentimen sedih kebuntuan dan kemarahan. Saluran meluahkan perasaan tidak puas hati yang sedia ada langsung tidak dapat memenuhi keperluan mereka. Maka bermula dari aktiviti menziarahi kematian Hu Yaobang secara besar-besaran yang dianjurkan oleh golongan mahasiswa dan intelek, kemudian dengan cara pihak autoriti menanggani pembasmian aktiviti-aktiviti tersebut yang tidak wajar, seterusnya Medan Tiananmen di Beijing dirampas oleh mahasiswa tempatan untuk mengadakan tunjuk perasaan, akhirnya berlakulah “Peristiwa Medan Tiananmen” yang dikatakan sangat dahsyat dalam sejarah moden China pada 4 Jun 1989.

³⁰¹ Yeh K. C. “Macroeconomic Issues in China in the 1990s,” *The China Quarterly*, no. 131 (September, 1992), ms. 503.

³⁰² Jean-Louis Rocca, “Corruption and its Shadow: An Anthropological View of Corruption in China,” *The China Quarterly*, no. 130 (Jun, 1992), ms. 411-412.

5.6. Usaha Ulangan Deng Yang Terakhir

Dalam proses kejadian Peristiwa Medan Tiananmen, banyak perkara menarik boleh disebut seperti media massa kerajaan yang tiba-tiba bebas bersuara, penduduk Beijing secara beramai-ramai enggan mematuhi perintah darurat dan kerajaan PKC menafikan sekeras-kerasnya bahawa Angkatan Tentera Pembebasan membunuh rakyat jelata secara beramai-ramai. Akan tetapi bahagian ini tidak berniat untuk membincangkan proses peristiwa tersebut kerana kaitannya dengan pembentukan idea-idea asas Deng terhadap Dasar Reformasi Pasaran tidak begitu relevan. Tumpuan tajuk kecil ini akan diletakkan pada penghuraian situasi yang wujud selepas peristiwa tersebut berlaku dan kajian tentang kenyataan-kenyataan Deng selepas peristiwa itu.

Selepas Peristiwa Medan Tiananmen, imej China sebagai sebuah negara yang membuka pintu kepada dunia luar terjejas. Keadaan ini lebih teruk lagi daripada peristiwa penurunan Hu Yaobang pada 1987. Amerika Syarikat telah memulakan satu siri sekatan ekonomi yang ketat dan diikuti oleh negara-negara lain. Kemudian berlakunya kejatuhan kerajaan Komunis di negara-negara Komunis Eropah Timur. Antaranya termasuk juga Soviet Union yang merupakan peneraju kempen Komunis antarabangsa. Negara-negara sekutu China kebanyakannya telah digubal perlembagaannya menjadi negara demokrasi berparlimen. China telah dipulaukan oleh kebanyakan ahli masyarakat antarabangsa pada masa itu. Perubahan semasa ini amat menjelaskan perkembangan ekonomi China.

Pada masa beberapa hari sebelum Peristiwa Medan Tiananmen berlaku, Deng telah menegaskan pendiriannya untuk terus menjalankan reformasi kepada pemimpin-pemimpin konservatif seperti Li Peng dan Yao Yilin. Beliau berkata bahawa, Dasar

Reformasi Pasaran bukan sahaja perlu diteruskan, malah pencapaiannya perlulah seperti “beberapa kali ganda daripada apa yang dicapai oleh Hong Kong”³⁰³. Selepas peristiwa tersebut, dalam satu perjumpaan dengan pemimpin angkatan tentera, Deng mengemukakan dua soalan kepada mereka. Beliau bertanya,

Adakah kerana berlakunya peristiwa ini, maka membuktikan Dasar Reformasi dan Pembukaan yang ditetapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kali Kesebelas Sesi Ketiga adalah salah? Adakah idea “Satu Perkara Pusat, Dua Perkara Asas” yang ditetapkan dalam Kongres PKC Ketigabelas juga adalah salah? Jawapan saya tegas dan terang sekali, tidak. Oleh itu, haluan dasar pada masa yang akan datang juga akan sama dengan sebelumnya dan tidak akan berubah.³⁰⁴

Daripada kenyataan-kenyataan Deng ini, jelas dilihat bahawa beliaulah orang yang membuat keputusan muktahir mengarahkan pasukan tentera mengosongkan medan Tiananmen secara kekerasan. Ini kerana selepas peristiwa itu beliau telah menjelaskan motif kerajaan PKC mengarahkan penggunaan kekerasan ialah supaya Dasar Reformasi dan Pembukaan dapat diteruskan. Beliau tidak berniat untuk menghancurkan Dasar Reformasi Pasaran, sebaliknya beliau berkeinginan besar supaya dasar tersebut dikekalkan. Pandangan beliau ini juga mengandaikan bahawa hanyalah PKC yang mampu menjalankan reformasi tersebut berbanding dengan pihak-pihak lain.

Berkenaan dengan haluan pembangunan ekonomi jangka pendek, Deng mengemukakan slogan enam belas perkataan: “Diam memerhati, kukuhkan tapak, mantap menghadapi segala cabaran dan membuat persediaan dengan tidak berheboh-heboh” (*lengjing guancha, wenzhu zhenjiao, chenzhe yingfu, taoguang yanghui*).³⁰⁵ Dari segi makro, beliau langsung tidak menyalahkan haluan Reformasi Pasaran sebagai punca berlakunya Peristiwa Medan Tiananmen. Sebaliknya kuasa-kuasa asing telah

³⁰³ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 297.

³⁰⁴ Ibid, ms. 305-306.

³⁰⁵ *Kuashiji de Juezhu* (Pertarungan yang Melintasi Abad) (Beijing: Penerbitan Akademi PKC Pusat, 1992), ms. 137.

dipersalahkan sebagai anasir jahat yang merancang di sebalik tabir supaya dapat melihat kerajaan PKC tumbang.³⁰⁶

Tuduhan Deng terhadap orang asing ini pada satu segi lagi ada kebaikannya daripada segi pemulihan ekonomi kerana rakyat tidak dipecahkan olehnya kepada kelas Proletariat dan musuh Burjuis olehnya.³⁰⁷ Sesiapa yang tidak mahu lagi menyoalkan pemerintahan mutlak PKC masih boleh menjalankan semula kehidupan harian yang biasa, berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari mata pencarian.

Dengan itu, kalau mengikut rancangan Deng yang asalnya, beliau perlu sekali lagi memilih seorang pemimpin pengganti yang baru untuk membentuk satu pucuk pimpinan generasi ketiga.³⁰⁸ Kemudian beliau perlu sentiasa membawa dan menyokong pemimpin pengganti itu sehingga kedudukan pemimpin tersebut kukuh dan dapat menggantikan Deng sebagai pemimpin tertinggi negara. Ini merupakan satu lagi ulangan usaha beliau buat kali ketiga.

Pucuk pimpinan yang diketuai oleh Zhao Ziyang telah dibubarkan dengan beberapa orang pemimpin yang kanan dipecat. Zhao sendiri pun diturunkan dengan kesalahan tidak menghapuskan kuasa rusuhan dari awal-awal lagi dan membocorkan rahsia dalam situasi yang rasmi bahawa Deng merupakan pembuat keputusan yang terpenting. Beliau telah diturunkan daripada semua jawatannya tetapi masih dikekalkan keahlian PKC dan ditahan di kediamannya. Deng mengarahkan supaya Zhao tidak boleh diapa-apakan. Ini merupakan perbezaan Deng dengan Mao Zedong iaitu beliau tidak

³⁰⁶ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 306.

³⁰⁷ Dalam dialog Deng hanya menyatakan segelintir ahli intelek sebagai puak pemberontak dan bukannya seluruh kelas intelek terlibat, malah sumbangan mereka dalam era Reformasi dan Pembukaan pun diambil kira. *Ibid*, ms. 310.

³⁰⁸ *Ibid*, ms. 298-299.

akan mengaibkan pemimpin yang tidak sependapat dengannya sehingga ada di antara mereka dituduh sebagai penderhaka, dipenjara, dianiyai sehingga maut.

Datuk Bandar Shanghai Jiang Zemin telah dipilih sebagai pengganti baru dan memegang jawatan tersebut. Beliau dikatakan mendapat sokongan yang kuat daripada pemimpin puak konservatif.³⁰⁹ Berkenaan dengan pemilihan Jiang, Deng pernah berkata,

Kalau pasukan pemimpin yang diumumkan memberi satu imej bahawa mereka merupakan satu pasukan yang berfikiran kaku dan kolot, banyak huru-hara masih akan berlaku pada kelak, maka tidak seharipun kita dapat hidup dengan aman dan damai. Kita mestи menyenaraikan satu barisan pemimpin yang boleh memberi harapan kepada orang lain bahawa mereka akan menjalankan Dasar Reformasi dan Pembukaan.³¹⁰

Deng sendiri telah mengumumkan pengunduran dari jawatan Pengerusi Jawatankuasa Ketenteraan Pusat Parti pada 9hb November. Ini merupakan jawatan terakhir yang beliau pegang. Dengan itu, selepas tarikh yang disebut di atas, Deng secara teorinya tidak mempunyai apa-apa jawatan rasmi dan kuasa pemerintahan lagi. Namun hakikat yang sebenarnya ialah pengaruh beliau yang begitu kuat di pentas politik China masih ada.

Bagi pucuk pimpinan yang baru ini, tugas mereka selepas sahaja Peristiwa Medan Tiananmen ialah memantapkan pemerintahan mutlak kerajaan PKC lebih daripada mengemukakan apa-apa dasar ekonomi yang baru. Pucuk pimpinan yang diketuai oleh Jiang Jemin mengambil sikap yang sebegini nampaknya hanya buat sementara waktu sahaja. Sebelum ini Jiang pernah mendapat pujian daripada koporat-koporat asing kerana sikap pemerintahan beliau di Shanghai amat terbuka. Akan tetapi semasa siri kempen demonstrasi yang hangat berlaku di Medan Tiananmen, Jiang telah banyak kali menghalang kempen yang sedemikian berleluasa di Shanghai. Oleh itu, beliau juga dapat diterima oleh pemimpin puak konservatif sebagai pemimpin pengganti Deng Xiaoping.

³⁰⁹ Xiaoyu, "Yuanlao Weihe Xuanzhong Jiang Zemin?" (Kenapa Para Pemimpin Veteran Memilih Jiang Zemin?) *Jingbao Yuekan* (Bulanan Jingbao) (Julai, 1989), ms. 68.

³¹⁰ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 296.

Kerajaan Jiang cuba memantapkan kedudukan yang baru diperoleh dengan meletakkan tugas menganti Kecenderungan Liberalisme Burjuis dan Evolusi Aman (*heping yanbian*) yang kononnya dilancarkan oleh orang asing pada masa itu.³¹¹ Banyak waran penangkapan telah dikeluarkan untuk menahan pemimpin-pemimpin yang melibatkan diri dalam Peristiwa Medan Tiananmen, kader-kader parti diminta buat pengakuan diri untuk menentukan sejauhmanakah mereka terlibat dalam peristiwa tersebut, kawalan ideologi rakyat telah diperketat dan mencari jalan untuk memecahkan kebuntuan sekatan ekonomi yang dikenakan oleh negara-negara barat.³¹² Pada masa itu, firma-firma industri dan perusahaan milik perseorangan telah disiasat dengan ketat. Firma - firma ini mula beroperasi dan menjalankan perniagaan semula selepas 1978, iaitu berkat daripada pelaksanaan Dasar Reformasi Pasaran. Akan tetapi pada kali ini mereka telah dipersalahkan sebagai penyokong ekonomi kepada Kecenderungan Liberalisme Burjuis kerana aktiviti ekonomi mereka lebih bersifat penindasan terhadap kelas Proletariat, sentiasa cuba mengelak cukai, sehingga pihak pusat parti pernah mengarah,

Komrad Jiang Zemin mengarahkan supaya isi rumah-isi rumah yang menjalankan perniagaan yang melanggar undang-undang perlu dihukum dengan ketat, walaupun mungkin menyebabkan mereka bankrap pun tidak kisah.³¹³

Kerajaan PKC juga mengumumkan ketegasan untuk menghapuskan gejala rasuah dan penyelewengan kuasa di kalangan pegawai kerajaan di setiap peringkat. Beberapa arahan, peraturan dan pandangan parti telah dikemukakan sebagai langkah serta-merta

³¹¹ Liao Gailong (ed), *Zhongguo Zhengzhi Dashidian* (Kamus Peristiwa-peristiwa Politik Penting China) (Jilin: Penerbitan Jilin Wenshi, 1991), ms. 1007.

³¹² Pejabat Pengajian Dokumen Pusat PKC (ed), "Zhongguo Gongchandang Dishisan jie Sizhong Quanhui Gongbao" (Warta Mesyuarat Jawatankuasa Pusat PKC Ketigabelas Sesi Keempat) Shisanda Yilai: *Zhongyao Wenxian Xuanbian* (Sejak Kongres PKC Ketigabelas: Koleksi Dokumen-dokumen Penting) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1993), ms. 548-549.

³¹³ Ibid.

untuk membanteras gejala tersebut. Pada 15 Ogos 1990, Akauntan Negara telah mengumumkan lima buah syarikat besar, termasuk satu yang diketuai oleh anak sulung Deng Xiaoping didapati melakukan banyak perkara yang bersalah di sisi undang-undang dan diputuskan untuk menghentikan syarikat-syarikat tersebut.³¹⁴

Pada propaganda kerajaan pula, dalam period ini puak pemimpin konservatif telah memainkan peranan yang penting. Dalam Mesyuarat Perluasan Jawatankuasa Pusat selepas Peristiwa Medan Tiananmen, para pemimpin puak konservatif yang telah bersara dan tidak mempunyai apa-apa jawatan dikatakan telah hadir secara beramai-ramai dan memberi kenyataan yang menyokong Deng untuk membidas Zhao.³¹⁵ Selepas peristiwa itu, Pemimpin-pemimpin puak konservatif seperti Deng Liqun, Hu Qiaomu dan Chen Yun telah berusaha untuk memulihkan ideologi ultra kiri mereka. Deng Liqun telah memikul panji pembidasan pemikiran Kapitalis dan Burjuis. Jabatan Propaganda Pusat Parti yang dipimpin oleh Deng Liqun telah menyiarkan beratusan artikel yang membidas pimpinan Zhao kerana membenarkan Kecenderungan Liberalisme Burjuis wujud di kalangan cendekiawan muda. Dalam artikel-artikel tersebut, ada pemimpin yang berani mengelaskan Hu Yaobang dan Zhao Ziyang sebagai pemimpin Kapitalis dalam PKC. Dengan secara tidak langsung haluan Dasar Reformasi Pasaran yang ditentukan oleh Deng Xiaoping pun dikritik.

Chen Yun pula telah menulis sepucuk surat rasmi lantang menyifatkan ideologi kerajaan yang menjalankan reformasi selama sepuluh tahun ini ialah ultra kanan, hanya semasa menyelesaikan Peristiwa Medan Tiananmen barulah merupakan ultra kiri.³¹⁶

³¹⁴ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 898.

³¹⁵ Lowell Dittmer, "Patterns of Elite Strife and Succession in Chinese Politics," *The China Quarterly*, no. 123 (September, 1990), ms. 409.

³¹⁶ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 907.

Secara terang-terangnya Chen telah menerajui para pemimpin puak konservatif menidakkan idea-idea Reformasi Pasaran Deng Xiaoping.

Selepas Peristiwa Medan Tiananmen, pusat PKC telah mengumumkan pengajuran kempen mempelajari pemikiran Chen Yun. Ini kerana pemikiran Chen yang bersifat sistem ekonomi terancang dan reformasi beransur-ansur boleh digunakan untuk menentang pemikiran Deng yang lebih radikal bereformasi. Mereka ingin menggunakan peluang keemasan ini untuk membawa pembangunan ekonomi negaranya balik ke landasan yang mereka rasa benar-benar sebagai sebuah negara Sosialis.

Pada Disember 1990, PKC mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kali Ketigabelas Sesi Ketujuh. Ini ialah tarikh yang telah ditunda kerana Deng telah mendapati draf resolusi yang ditulis oleh Yao Yilin berura-ura untuk menghindarkan idea Reformasi Pasaran yang ditetapkan dalam Kongres PKC Ketigabelas sebagai isi utama Rancangan Lima Tahun Kelapan dan Dasar Perancangan Ekonomi Sepuluh Tahun yang akan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.³¹⁷ Kongres PKC Ketigabelas amat penting dalam sejarah Reformasi Pasaran China kerana melalui Kongres ini, para perwakilan PKC telah meluluskan penetapan haluan Dasar Reformasi dan Pembukaan pada masa yang akan datang ialah "Pasaran Sebagai Tonggak, Perancangan Kerajaan Sebagai Pembantu".³¹⁸ Penetapan haluan ini menggariskan bahawa peranan kerajaan pada masa yang akan datang iaiah menyelaras perkembangan pasaran, kemudian membiarkan pasaran menentukan perkembangan firma-firma.

³¹⁷ Ibid, ms. 909.

³¹⁸ Zhao Ziyang, "Yanzhe you Zhongguo Tese de Shehui Zhuyi Daolu Qianjin" (Bermaju ke Depan dengan Mengikuti Perjalanan Sosialisme yang Berkarakter China), *Zhongguo Gongchandang Dushisanci Quanguo Daibiao Dahui Wenjian Huibian* (Terbitan Dokumen-dokumen Kongres PKC Ketigabelas), ms. 1-77.

Yao Yilin yang ditugaskan mendraf resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kali Ketigabelas Sesi Ketujuh itu cuba menggunakan idea-idea ekonomi Chen Yun pula. Idea-idea Chen Yun ialah lebih mengutamakan pembangunan sektor pertanian, memperkuatkan fungsi perancangan ekonomi kerajaan pusat, penglibatan kerajaan dalam pembangunan infrastruktur yang intensif, lebih berdikari dan tidak sangat bergantung kepada orang asing.³¹⁹ Oleh itu, Deng menolak draf Yao dan sanggup menunggu satu tempoh masa yang lebih lama untuk mengemukakan idea-idea yang dapat memastikan Dasar Reformasi dan Pembukaan diteruskan.

Dalam mesyuarat tersebut, Deng telah mengemukakan beberapa isi utama kepada penulis dua dokumen iaitu Rancangan Lima Tahun Kelapan dan Dasar Perancangan Ekonomi Sepuluh Tahun. Antara isi-isi utama ini ialah mesti meneruskan Dasar Reformasi dan Pembukaan, mempercepat dan menyempurnakan Dasar Reformasi Pasaran serta pelaksanaan Polisi Penyelarasian Semula Perkembangan Ekonomi tidak boleh menyekat pelaksanaan Dasar Reformasi dan Pembukaan.

Dengan penurunan arahan ini oleh Deng sendiri, maka beliau berjaya menyekat usaha mesyuarat tersebut meluluskan isi kandungan yang secara langsung menidakkan dasar reformasi. Akan tetapi Deng juga terpaksa membuat sedikit kompromi dengan pemimpin puak konservatif ini. Didapati isi kandungan resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kali Ketigabelas Sesi Ketujuh ini juga terdapat ayat-ayat yang menegaskan kerajaan mesti memulihkan peranannya sebagai perancang perkembangan ekonomi negara. Istilah “terancang” sekali lagi ditegaskan dalam cadangan ini.

³¹⁹ Ye Yonglie, *Chen Yun Quanzhuan* (Biografi Penuh Chen Yun), ms. 266-268.

Prestasi ekonomi China dari 1989 sehingga awal 1991 kurang memuaskan.³²⁰ Melalui polisi tersebut, pengawalan ketat dikenakan terhadap pengaliran matawang, pinjaman dan perbelanjaan kerajaan sememangnya telah menyebabkan inflasi diturunkan, ekonomi yang terlalu ghairah telah diperlaharkan. Akan tetapi perkembangan ekonomi dalam pelbagai sektor yang tidak seimbang masih gagal dibetulkan. Masih terdapat banyak kilang pembuatan yang tidak dapat beroperasi dengan sepenuhnya kerana industri-industri sokongan yang lain tidak dapat membekalkan modal, kuasa, pengangkutan atau tenaga buruh yang diperlukan. Ini kerana pada masa itu pemimpin kerajaan ingin menggunakan kuasa perancangnya untuk mengaturkan pengagihan sumber-sumber ekonomi. Akan tetapi usaha pihak kerajaan ini telah terbukti kurang berasfisien. Jika situasi ini masih berterusan, kebanyakan hasil Dasar Reformasi Pasaran selama sepuluh tahun akan berkecai.

Pernah ada seorang sarjana kajian sejarah menunjukkan bahawa, selepas Perang Dunia Kedua, negara-negara sedang membangun di benua Asia kebanyakannya telah berusaha memulakan pembangunan, hanya negara China yang diperintah oleh PKC masih beria-ia dalam perjuangan ideologi, pergolakan politik tidak pernah terhenti-henti.³²¹ Suhu politik negara sentiasa dibaca dengan begitu terperinci oleh rakyat untuk mengelakkan dirinya daripada terlibat dalam pergolakan tersebut. Kemurkaan Deng terhadap Peristiwa Medan Tiananmen dan propaganda yang hebat terhadap Kecenderungan Liberalisme Burjuis menyebabkan masyarakat China pada akhir 1989 dan awal 1990-an tidak berani menyahut sokongan terhadap Dasar Reformasi Pasaran.

³²⁰ Robert Michael Field, "China's Industrial Performance Since 1978," *The China Quarterly*, no. 100 (December, 1984), ms. 589.

³²¹ Ross Terrill, *China in Our Time: The Epic Saga of the People's Republic from the Communist Victory to Tiananmen Square and Beyond* (New York: Simon & Schuster, 1992), ms. 44.

Sekali lagi, penukaran situasi memerlukan kuasa politik yang lebih kuat daripada majoriti ahli pemimpin dalam Biro Politik Pusat Parti. Tidak lain tidak bukan, hanya Deng yang berimej sebagai pemimpin tertinggi negara mempunyai kemampuan ini. Bermula pada pertengahan bulan Januari 1992, Deng dengan iringan anak cucunya telah membuat satu lawatan rasmi ke wilayah-wilayah selatan termasuk zon-zon ekonomi istimewa.³²²

Tindakan yang berbau politik ini mereflekskan cara pemimpin PKC pada generasi pertama ini menyahut cabaran daripada pendapat lain yang amat kuat dalam parti. Pada awal 1970-an, Mao Zedong yang menghadapi cabaran daripada pemimpin kanannya Lin Biao juga menggunakan cara lawatan ke seluruh negara untuk meraih sokongan pemimpin-pemimpin tempatan. Setiap kali sampai ke satu kawasan, Mao akan membuat satu ucapan rasmi yang terus-terang menentang pandangan pencabarnya. Dengan cara ini, kesannya amat ketara sekali.

Dalam siri lawatan ini, Deng telah melawat kawasan-kawasan yang menjalankan Dasar Reformasi Pasaran yang berjaya membawa perubahan besar. Daripada kemunculan beliau di depan hasil usaha dasar tersebut, gambar dan rakaman kamera akan disiarkan ke seluruh negara melalui suratkhabar dan televisyen. Penampilan ini amat bersignifikasi untuk menyampaikan mesej bahawa Deng masih teguh menyokong kepada Dasar Reformasi Pasaran. Bertambah pula apabila Deng tiba di suatu tempat, beliau yang sudah berumur dengan sukarnya mengucapkan kenyataan-kenyataan yang tegas membidas pemikiran ultra kiri. Contohnya,

Kalau kita tidak menjalankan Dasar Reformasi Pasaran, tidak membangunkan ekonomi, tidak membaiki taraf kehidupan rakyat, maka kita akan menghadapi sebatang jalan mati.

³²² Yuan Shang dan Han Zhu, *Deng Xiaoping Nanxunhou de Zhongguo* (China Selepas Lawatan ke Selatan oleh Deng Xiaoping) (Beijing: Penerbitan Gaige, 1992), ms. 30.

Reformasi Pasaran hendaklah dijalankan dengan lebih berani, mesti melakukan eksperimen, tidak boleh seperti orang wanita dahulu yang kecil tapak kakinya, mesti berani mencuba, mesti berani mencari jalan ... Perniagaan sekuriti, bursa saham, samada baik atau tidak, perlu dibenarkan peninjauan dan tetap perlu diuji...Saya bercadang (kita) jangan suka selalu berbahas. Jika tidak, maka (kita) akan menghabiskan semua masa dalam bahas kosong tetapi tidak mendapat apa-apa. Jika (kita) tidak berbahas tetapi terus berani mencuba (menjalankan reformasi), maka keputusannya adalah sangat baik seperti reformasi di kawasan luar bandar. Reformasi di kawasan bandar juga perlu bersikap demikian...Apabila mendapat peluang keemasan, pada suatu masa suatu tahap, kita mesti segera mengembangkan cara pembangunan kita buat beberapa tahun, kemudian menyemak semula masalah yang timbul dan terus membetulkannya. Dengan ini barulah kita dapat menduduki posisi yang aktif.³²³

Dari siri lawatan Deng ini, pihak media massa di Hong Kong telah memulakan liputan luas terlebih dahulu, kemudian diperluaskan ke seluruh dunia dan akhirnya barulah disiarkan di tanah besar China.³²⁴ Strategi yang telah diatur rapi terlebih dahulu ini berjaya melepaskan Deng daripada kongkongan pihak propaganda pusat parti. Pihak media massa China yang menyokong Deng telah mengambil kesempatan ini menyebarluaskan berita ini dengan meluas sekali. Dalam masa yang singkat sahaja isu ini telah menjadi perbincangan hangat dan sekaligus memberi nafas semula kepada usaha Dasar Reformasi dan Pembukaan. Deng nampaknya sengaja memilih masa itu kerana selepas Tahun Baru Cina dan bulan Februari akan diadakan Perhimpunan Agung Rakyat. Tindakan beliau ini dapat membantu para perwakilan menyuarakan sokongan mereka terhadap Reformasi Pasaran dengan lebih lantang lagi. Pada akhir tahun tersebut juga akan diadakan Kongres PKC Keempatbelas.

Dalam Kongres ini, para perwakilan dengan sebulat suara telah meluluskan resolusi memasukkan teori Deng dalam piagam parti, sama taraf dengan fahaman Marxis-

³²³ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 370, 372, 373, 374, 375.

³²⁴ Yuan Shang dan Han Zhu, *Deng Xiaoping Nanxunhou de Zhongguo* (China Selepas Lawatan ke Selatan oleh Deng Xiaoping), ms. 66. Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 926.

Leninis dan Maois. Tindakan ini bermaksud bahawa teori Deng telah dijadikan sebagai prinsip pengajaran ideologi yang tidak boleh dicabar, kecuali piagam itu diubahsuai. Jiang Zemin yang pertama sekali membuat laporan Setiausaha Agung pun telah mengulang idea Deng sekali lagi dengan menegaskan sifat ekonomi terancang atau ekonomi pasaran tidak berkaitan dengan sama ada masyarakat yang mengamalkannya itu ialah masyarakat Sosialis atau Kapitalis.³²⁵

5.7. Kesimpulan

Selepas Dasar Reformasi dan Pembukaan dilancarkan, China mula menampakkan pembangunan. Namun reformasi yang terlalu agresif telah menguji keanjalan pemikiran seseorang pemimpin tertinggi negara. Adakah pemimpin itu benar-benar bersikap terbuka terhadap segala idea baru? Satu persoalan yang lebih mencabar lagi ialah adakah beliau tahu setakat mana kebebasan berfikir itu bermafaat kepada pembangunan negara? Nampaknya pada fasa akhir Deng Xiaoping berkuasa di China, persoalan-persoalan inilah yang meruncingkan beliau.

Berdasarkan pengalaman pentadbiran sepanjang hayat Deng, beliau yakin China memerlukan satu pemerintahan yang memberi kebebasan yang paling besar kepada rakyat. Deng percaya melalui cara ini, produktiviti negara dapat ditingkatkan secara optima. Oleh yang demikian, beliau mengumumkan pelaksanaan Dasar Reformasi dan Pembukaan untuk menyemak semula dasar-dasar kerajaan yang menyekat kebebasan

³²⁵ Ding Guangeng, "Xuexi Dang de Shisida Baogao de Jidian Tihui" (Beberapa Penghayatan Menerusi Pembelajaran Laporan Kongres PKC Keempatbelas), Jabatan Propaganda Jawatankuasa Perbandaran Shanghai PKC dan Akademi Sains Sosial Shanghai (ed), *Deng Xiaoping de Lilun yu Dang de Shisida* (Teori Deng Xiaoping dan Kongres PKC Keempatbelas) (Shanghai: Penerbitan Akademi Sains Sosial Shanghai, 1993), ms. 44-45.

rakyat. Akan tetapi kebebasan sebegini menyebabkan huru-hara berlaku akibat daripada setiap pihak di masyarakat ghairah menggunakan kebebasan ini untuk mengaut keuntungan individu. Pemimpin PKC yang melaksanakan dasar-dasar ini nampaknya tidak terduga keadaan penyalahgunaan kebebasan oleh rakyat begitu teruk sekali. Pada akhir 1980-an, pelaksanaan beberapa dasar reformasi yang masih ada kekurangan telah menyebabkan keamanan masyarakat tergugat. Deng terpaksa menggunakan kuasa kekerasan awam untuk menenangkan keadaan, kemudian menukar lagi pemimpin penggantinya yang Deng tidak puas hati.

Dalam usaha memimpin negara China berlangkah ke arah negara Sosialis moden, Deng sebenarnya tidak mempunyai banyak idea yang baru dan kreatif. Idea-idea Dasar Reformasi Pasaran yang dikemukakan oleh Deng kebanyakannya adalah berdasarkan pengalaman pentadbiran kerajaan beliau yang terdahulu. Contoh yang paling ketara ialah cara pemupukan pemimpin pengganti beliau. Deng mencontohi cara Mao Zedong mencari pemimpin pengganti walaupun beliau bukan pemimpin tertinggi negara yang lantik melalui cara ini. Cara ini ialah menamakan seorang pemimpin sebagai pengganti rasmi, kemudian pemimpin pengganti tersebut diberi peluang untuk memantau urusan pentadbiran. Manakala pemimpin tertinggi negara yang sekarang mengawasi prestasi pemimpin pengganti tersebut. Tujuannya ialah supaya pemimpin pengganti tersebut dapat menimba pengalaman memimpin. Deng telah menggunakan cara ini menamakan penggantinya sebanyak tiga kali. Walaupun dua kali beliau sendiri terpaksa menurunkan pengganti-pengganti tersebut, Deng tetap menggunakan cara yang sama untuk kali yang ketiga dan akhirnya beliau berjaya menyerahkan kuasanya kepada pemimpin tersebut.

Namun cara ini tidak menampakkan kebebasan kepada rakyat seluruh negara untuk menentukan ketua kerajaan mereka. Selepas Dasar Reformasi dan Pembukaan dilancarkan di kawasan kampung pertanian, para petani dibenarkan menentukan apa yang hendak mereka tanam dan bertanggungjawab kepada baik buruk hasil tanaman tersebut. Akan tetapi dalam sistem pemilihan pemimpin negara, mereka tidak dibenarkan berbuat demikian. Nampaknya inilah salah satu punca terjadinya kempen-kempen demonstrasi yang diadakan oleh rakyat jelata dan golongan mahasiswa. Setelah mereka terpaksa menghadapi kesengsaraan hidup akibat daripada kegagalan dasar-dasar yang dilancarkan oleh pemimpin-pemimpin PKC yang bukan dipilih oleh mereka, idea demokrasi berparlimen dan kebebasan bersuara telah menjadi tuntutan mereka.

Deng langsung tidak dapat menerima idea-idea dari negara asing ini. Malah beliau telah menamakan mereka yang berpandangan sedemikian sebagai anasir yang Berkecenderungan Liberalisme Burjuis. Sebaliknya Deng ingin menggunakan pencapaian pertumbuhan ekonomi negara untuk meredakan tuntutan-tuntutan rakyat tersebut dan memastikan PKC terus memerintah negara sebagai parti pemerintah mutlak. Selepas Deng bersara, Jiang Jemin masih meneruskan Dasar Reformasi Pasaran dan melancarkan lebih banyak dasar yang berunsur Kapitalisme. Ekonomi China semakin pulih dan sekatan ekonomi oleh negara-negara asing pun telah dihentikan. Tahun 1990-an telah menampakkan kebangkitan China sebagai sebuah negara sedang membangun yang semakin moden. Nampaknya Jiang Jemin berjaya mencapai hajat Deng tersebut.

Namun cara ini tidak menampakkan kebebasan kepada rakyat seluruh negara untuk menentukan ketua kerajaan mereka. Selepas Dasar Reformasi dan Pembukaan dilancarkan di kawasan kampung pertanian, para petani dibenarkan menentukan apa yang hendak mereka tanam dan bertanggungjawab kepada baik buruk hasil tanaman tersebut. Akan tetapi dalam sistem pemilihan pemimpin negara, mereka tidak dibenarkan berbuat demikian. Nampaknya inilah salah satu punca terjadinya kempen-kempen demonstrasi yang diadakan oleh rakyat jelata dan golongan mahasiswa. Setelah mereka terpaksa menghadapi kesengsaraan hidup akibat daripada kegagalan dasar-dasar yang dilancarkan oleh pemimpin-pemimpin PKC yang bukan dipilih oleh mereka, idea demokrasi berparlimen dan kebebasan bersuara telah menjadi tuntutan mereka.

Deng langsung tidak dapat menerima idea-idea dari negara asing ini. Malah beliau telah menamakan mereka yang berpandangan sedemikian sebagai anasir yang Berkecenderungan Liberalisme Burjuis. Sebaliknya Deng ingin menggunakan pencapaian pertumbuhan ekonomi negara untuk meredakan tuntutan-tuntutan rakyat tersebut dan memastikan PKC terus memerintah negara sebagai parti pemerintah mutlak. Selepas Deng bersara, Jiang Jemin masih meneruskan Dasar Reformasi Pasaran dan melancarkan lebih banyak dasar yang berunsur Kapitalisme. Ekonomi China semakin pulih dan sekatan ekonomi oleh negara-negara asing pun telah dihentikan. Tahun 1990-an telah menampakkan kebangkitan China sebagai sebuah negara sedang membangun yang semakin moden. Nampaknya Jiang Jemin berjaya mencapai hajat Deng tersebut.